

TAHAP KESEDARAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM KALANGAN GURU-GURU
TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ZON UTARA

MOHD ZUHAIR AZUAR BIN ARIFIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Reka Bentuk Instruksional dan Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

JANUARI 2015

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan hijau guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara dengan menggunakan Teori KAP. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan Teknologi Hijau berdasarkan kepada bidang pengkhususan guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara yang berbeza. Kajian ini dijalankan ke atas 43 orang guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara melibatkan negeri Perak, negeri Kedah dan negeri Perlis. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan min telah digunakan untuk menerangkan profil responden, tahap pengetahuan, sikap dan amalan hijau guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara. Statistik inferensi yang digunakan ialah ANOVA sehala untuk mengetahui perbezaan. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara adalah sederhana. Sikap guru-guru pula berada pada tahap yang positif manakala amalan hijau guru-guru berada pada tahap sederhana. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengetahuan Teknologi Hijau berdasarkan kepada bidang pengkhususan guru yang berbeza. Seterusnya cadangan-cadangan kajian lanjutan melibatkan aspek infrastruktur, peralatan, dan pelajar berkaitan keperluan penerapan Teknologi Hijau ke dalam kurikulum sekolah.

ABSTRACT

This research was conducted to identify the knowledge, attitudes and practices of green teachers Engineering Technology Northern Zone by using the theory of KAP. This study also aims to identify whether there are differences in the level of knowledge of Green Technology based on the specialization teachers Engineering Technology Northern Zone is different. This research was carried out on 43 teachers Engineering Technology Northern Zone involving the State of Perak, Kedah and Perlis. A set of questionnaires used as an instrument. Descriptive statistics such as the percentage of and mean frequency, has been used to describe the profile of the respondents, the level of knowledge, attitudes and practices of green teachers Engineering Technology Northern Zone. Inferential statistic used is one way ANOVA to find out the difference. Results showed that the level of knowledge teachers Engineering Technology Northern Zone is medium. The attitude of teachers also are on a positive level, while green practices are teachers at a moderate level. The study also found there was no significant difference in terms of the level of knowledge of Green Technology based on fields of different teachers. Next advanced research proposals involving aspects of infrastructure, equipment, and students in relation to the needs of the application of Green Technology into the school curriculum.

KANDUNGAN

	JUDUL	ii
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Penyataan Masalah	10
	1.4 Tujuan Kajian	11
	1.5 Objektif Kajian	11
	1.6 Persoalan Kajian	11
	1.7 Kerangka Konseptual	12
	1.8 Kepentingan Kajian	13
	1.9 Skop Kajian	14
	1.10 Batasan Kajian	14
	1.11 Definisi Operasi	15
	1.12 Rumusan Bab	16
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	15

2.2	Agensi Malaysian Green Technology Corporation	15
2.3	Teknologi Hijau	18
2.4	Teras Strategik Dasar Teknologi Hijau	23
2.4.1	Teras Strategik 1	24
2.4.2	Teras Strategik 2	24
2.4.3	Teras Strategik 3	25
2.4.4	Teras Strategik 4	26
2.4.5	Teras Strategik 5	26
2.5	Keadaan Alam Sekitar di Malaysia	27
2.5.1	Status Kualiti Udara Malaysia	29
2.5.2	Status Kualiti Air Malaysia	30
2.5.3	Status Hutan Malaysia	31
2.6	Pengetahuan	33
2.7	Sikap	33
2.7.1	Pendidikan Alam Sekitar	33
2.8	Amalan	35
2.8.1	Amalan Hijau	35
2.8.2	Amalan 5R	36
2.9	Teori KAP (Knowledge, Attitude dan Practice)	38
2.10	Kajian-Kajian Lepas	40
2.10.1	Kajian Berkaitan Kelestarian Alam Sekitar	40
2.10.1	Kajian Menjurus Kepada Enam Sektor Teknologi Hijau	41
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	48
3.1	Pengenalan	48
3.2	Rekabentuk Kajian	49
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	49
3.4	Instrumen Kajian	50
3.4.1	Bahagian A : Maklumat Demografi Responden	51
3.4.2	Bahagian B : Tahap Pengetahuan	51
3.4.3	Bahagian C : Sikap	53

3.4.4	Bahagian D : Amalan Hijau	54
3.5	Kesahan Kajian	56
3.6	Kajian Rintis	57
3.7	Kebolehpercayaan Kajian	58
3.8	Kerangka Operasi	59
3.9	Proses Pengumpulan Data	62
3.10	Analisis Data	63
3.10.1	Ringkasan Analisis Data	62
3.10.2	Kaedah Analisis Skor Min	64
3.12	Rumusan Bab	65
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	66
4.1	Pengenalan	66
4.2	Analisis Demografi Responden	67
4.3	Analisis Deskriptif	70
4.3.1	Tahap Pengetahuan Guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara Mengenai Teknologi Hijau	70
4.3.2	Apakah Sikap Guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara Mengenai Teknologi Hijau	73
4.3.3	Apakah Tahap Amalan Hijau Guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara Dalam Kehidupan Sehari-hari	76
4.4	Analisis Inferensi	80
4.4.1	Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Kesedaran Teknologi Hijau Guru-guru Teknologi Kejuruteraan Berdasarkan Kepada Bidang Pengkhususan Guru Yang Berlainan	80
4.6	Rumusan Bab	82

	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	83
	5.1 Pendahuluan	83
BAB 5	5.2 Perbincangan Dan Kesimpulan	83
	5.2.1 Tahap Pengetahuan Guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara Mengenai Teknologi Hijau.	84
	5.2.2 Sikap Guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara Mengenai Teknologi Hijau.	88
	5.2.3 Amalan Hijau Guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara Dalam Kehidupan Seharian	93
	5.2.4 Perbezaan Tahap Kesedaran Teknologi Hijau Guru-guru Teknologi Kejuruteraan Berdasarkan Kepada Bidang Pengkhususan Guru Yang Berlainan	98
	5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	101
	5.4 Rumusan	102
	5.5 Penutup	102
	RUJUKAN	103
	LAMPIRAN A	113
	LAMPIRAN B	114

SENARAI JADUAL

1.1	Bilangan kenderaan bermotor yang berdaftar mengikut jenis, Malaysia, 2008-2012.	6
3.1	Bilangan Guru Teknologi Kejuruteraan di Sekolah-Sekolah Menengah Akademik Harian, Sekolah Menengah Sains dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Zon Utara.	50
3.2	Taburan Soalan Berdasarkan Sektor Dan Aspek Pengetahuan	52
3.3	Ukuran Skala Likert Bagi Tahap Kefahaman	52
3.4	Taburan Soalan Berdasarkan Sektor Dan Aspek Sikap	53
3.5	Ukuran Skala Likert Bagi Sikap	54
3.6	Taburan Soalan Berdasarkan Bidang Dan Aspek Amalan Hijau	55
3.7	Ukuran Skala Likert Bagi Amalan	55
3.8	Kesahan Item Soal Selidik	56
3.9	Responden Kajian Rintis	57
3.10	Jadual Skor Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Bagi Setiap Dimensi	58
3.11	Pekali <i>Cronbach Alpha</i>	59
3.12	Ringkasan Pengujian Statistik Persoalan Kajian	63
3.13	Nilai Pentafsiran Skor Min Bagi Tahap Pengetahuan Dan Amalan	64
3.14	Nilai Pentafsiran Skor Min Serta Skala Tafsir Bagi Sikap	64

4.1	Taburan Responden Mengikut Negeri Dan Jantina	67
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	68
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	69
4.4	Taburan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan	69
4.5	Analisis Tahap Pengetahuan Berdasarkan Kekekapan Dan Peratus.	71
4.6	Analisis Item Tahap Pengetahuan Berdasarkan Min Dan Sisihan Piawai	72
4.7	Analisis Sikap Berdasarkan Kekekapan Dan Peratus.	74
4.8	Analisis Item Sikap Berdasarkan Min Dan Sisihan Piawai.	76
4.9	Analisis Amalan Hijau Berdasarkan Kekekapan Dan Peratus.	77
4.10	Analisis Item Amalan Hijau Berdasarkan Min Dan Sisihan Piawai.	79
4.11	Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Bagi Tahap Pengetahuan Mengikut Bidang Pengkhususan	80
4.12	Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Bagi Sikap Mengikut Bidang Pengkhususan.	81
4.13	Hasil Ujian ANOVA Satu Hala Bagi Amalan Hijau Mengikut Bidang Pengkhususan.	81

SENARAI RAJAH

1.1	Anggaran penduduk pertengahan tahun, Malaysia, 2008-2013	5
1.2	Jumlah Tenaga elektrik yang dibekalkan, Malaysia, 2008-2012	5
1.3	Kerangka Konsep Kajian menggunakan Model KAP	12
2.1	Keseluruhan Strategi Peningkatan Ekonomi Perniagaan Hijau.	18
2.2	Strategi-strategi Pengurusan Alam Sekitar	22
2.3	Strategi-strategi Pengurusan Sosial	23
2.4	Status Kualiti Udara Mengikut Stesen, Perak, 2012	27
2.5	Status Kualiti Udara Mengikut Stesen, Kedah dan Perlis, 2012	27
2.6	Pelepasan Bahan Pencemar Ke Udara Mengikut Punca, Malaysia, 2012	28
2.7	Status Kualiti Air Sungai Berdasarkan Pencemar Ammoniakal Nitrogen, Malaysia, 2008-2012	29
2.8	Status Kualiti Air Sungai Berdasarkan Pencemar Pepejal Terampai, Malaysia, 2008-2012	30
2.9	Taburan Peratus Keluasan Hutan, Semenanjung Malaysia, 2012	31
2.10	Taburan Peratus Keluasan Hutan Paya Laut, Semenanjung Malaysia, 2012	32
3.1	Kerangka Operasi Kajian	61

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	- <i>Analysis Of variance</i>
ASEAN	- Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
CEC-UTHM	- <i>Continous Education Centre</i> , Univerisiti Tun Hussien Onn Malaysia
eRAS	- <i>Educational Research Application System</i>
FPTV-UTHM	- Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
GBI	- <i>Green Building Indexs</i>
IBM SPSS	- <i>IBM Statistical Package for Social Science</i>
ICT	- Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IPU	- Indeks Pencemaran Udara
KAP	- <i>Knowledge, Attitude, Practices</i>
KDNK	- Keluaran Dalam Negara Kasar
KeTTHA	- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
KFA	- <i>Key Performance Achivement</i>
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	- Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	- Pelan Pembangunan Pendidikan Malayisa
PTM	- Pusat Tenaga Malaysia
PTV	- Pendidikan Teknik dan Vokasional
RMK	- Rancangan Malaysia Ke
SMAP	- Sistem Maklumat Aktiviti Pelajar
TH	- Teknologi Hijau
UTHM	- Universiti Tiun Hussein Onn Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Menjalankan Kajian (Eras)
- B Borang Soal Selidik

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Perkataan alam sekitar sering dikaitkan dengan disiplin ilmu ekologi, iaitu satu disiplin ilmu yang mengkaji mengenai hubungan antara spesies dengan spesies yang lain, hubungan antara haiwan dengan tumbuhan, hubungan antara suatu kehidupan dengan alam persekitarannya, hubungan antara ekosistem dengan ekosistem yang lain tidak terkecuali manusia sebagai salah satu makhluk yang juga berada dalam sistem ekologi itu sendiri. Mat Yamin & Yang (2012) menyatakan hubungan yang berlaku mestilah diasaskan kepada perspektif yang betul, iaitu meletakkan manusia sebagai khalifah yang mentadbir dan menguruskan alam.

Aktiviti manusia sememangnya diakui sebagai penyumbang utama terhadap kemerosotan kualiti alam sekitar. Pembangunan dan penerokaan alam sekitar yang tidak seimbang akan menimbulkan banyak konflik antara alam sekitar dan manusia sendiri sebagai agen pembangunan. Pertalian antara pembangunan dengan perubahan alam sekitar sangatlah kompleks. Pernyataan ini disokong oleh pendapat Pazim @ Fadzim (2000) yang menyatakan permasalahan alam sekitar sebenarnya berkait rapat dengan aktiviti manusia yang melaksanakan pembangunan tanpa menepati ciri-ciri yang boleh mengekalkan ekosistem sesuatu kawasan. Menurut Abdul Rahman *et al.* (2012) dalam bukunya bertajuk *Isu Persekitaran dan Kesihatan di Malaysia* mendapati terdapat hubungan antara persekitaran dengan kesihatan di Malaysia dalam aspek permasalahan, pengurusan dan penyelesaian. Justeru itu setiap perancangan pembangunan seharusnya mengambil kira kesemua aspek alam sekitar supaya kelestarian alam sekitar akan terpelihara untuk generasi akan datang.

Menjaga alam sekitar boleh diumpamakan sebagai menjaga kelangsungan bagi generasi akan datang. Penyelewengan dan kerosakan terhadap alam sekitar

seperti meneroka dan mengambil hasil bumi secara berlebihan yang menjadi hak generasi akan datang adalah dianggap seperti mengancam kelangsungan hidup generasi akan datang. Meskipun pada suatu aspek mengeksploitasi sumber bumi masa kini dapat membangunkan cara hidup yang lebih moden dan canggih, namun bahayanya akan tetap dirasakan oleh generasi akan datang. Sekiranya perkara ini berlaku, berarti kita telah meninggalkan pusaka kerosakan dan ketidakseimbangan kepada alam sekitar untuk diwarisi generasi akan datang.

Konsep “kelestarian” bermula di Eropah pada abad ke-18 dan 19 sebagai maklum balas kepada tahap keperihatinan mengenai aktiviti penerokaan hutan yang pesat. Kelestarian itu sendiri membawa maksud kepada mengekalkan. Berdasarkan Laporan Brundtland (1987), kelestarian bermaksud pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa mengkompromikan keupayaan generasi masa hadapan untuk memenuhi keperluan mereka. Banyak persidangan telah diadakan samada di peringkat nasional, serantau mahupun antarabangsa yang membicarakan mengenai isu-isu alam sekitar. Antara persidangan yang paling penting dan terkenal ialah United Nation Conference on Environment and Development (UNCED 1992) yang berlangsung di Rio de Janeiro, Brazil pada 14 Jun 1992. Seramai 103 orang pemimpin dunia dari 178 buah negara hadir pada persidangan ini. Turut hadir ialah 10,250 perwakilan serta 20,000 orang pemerhati. Mereka berkumpul di Brazil untuk sama-sama memikirkan mengenai langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh warga dunia dalam menangani masalah ini. Persidangan Rio ini juga berjaya mencadangkan beberapa tindakan susulan yang diungkapkan dalam kenyataan dan istilah tertentu. Antaranya ialah Pasca Rio, Deklarasi Rio, Agenda 21, Tabung Kemudahan Alam Sekitar Sejagat (GEF), Suruhanjaya Pembangunan Berterusan (CSD), Konvensyen Perubahan Iklim dan Konvensyen Kepelbagaian Kehidupan.

Di Malaysia, isu-isu berkaitan alam sekitar turut mendapat perhatian berbagai-bagai pihak. Sebagai sebuah negara yang ekonominya sedang berkembang, persoalan alam sekitar memang tidak terlepas daripada minda masyarakat. Menurut kebiasaannya, persoalan pembangunan dan kemajuan selalunya diiringi dengan persoalan alam sekitar. Ia berdasarkan kepada fakta bahawa soal pencemaran alam sekitar mula terjadi apabila manusia mula pandai menakluki dan mengeksploitasi alam sekitar untuk tujuan ekonomi. Hal ini bertepatan dengan pendapat Abdul Rahman *et al.* (2008) yang menyatakan bahawa rentetan daripada kegagalan

menjalinkan hubungan yang lestari dengan alam sekitar ini, maka timbul pelbagai isu dan bencana berkaitan persekitaran di Malaysia yang akhirnya memudaratkan masyarakat sendiri dan membawa kerugian bukan sahaja daripada segi kehilangan nyawa malah ekonomi dan sosial.

Dalam bidang kejuruteraan pula, terdapat beberapa isu berkaitan kelestarian alam sekitar di antaranya ialah isu kebergantungan penggunaan bahan bakar dari sumber yang tidak boleh diperbaharui dalam sektor pengangkutan. Kebergantungan kepada penggunaan petrol dan diesel sebagai bahan bakar amat membimbangkan. Menurut Abidin *et al.* (2004), sektor pengangkutan di Malaysia mencakupi sebanyak 40 peratus daripada penggunaan tenaga di Malaysia yang bergantung terus kepada bahan bakar fosil. Masalah akan berlaku sekiranya terdapat kenaikan harga mentah di pasaran atarabangsa terhadap petrol dan diesel. Pendapat ini disokong oleh Currie & Phung (2008) dimana sekiranya berlaku kenaikan kos bahan bakar ia akan memberikan kesan yang besar terhadap penggunaan kenderaan terutamanya sektor pengangkutan awam.

Isu pembinaan juga dilihat sebagai satu ajen yang menyumbang kepada tahap pencemaran dan kemusnahan alam sekitar (Tan, 2006). Aspek Pengurusan sisa binaan telah menjadi satu isu yang amat kritikal dan menjadi masalah global. Sebagai contoh di Eropah dianggarkan kira-kira 3000 juta tan sisa dihasilkan di seluruh Eropah setiap tahun. Kategori sisa utama yang terhasil terdiri daripada sisa industri, pembinaan, pertanian dan perlombongan dengan tiga puluh peratus daripadanya datang dari aktiviti pembinaan dan perobohan struktur (Williams, 2005). Masters (1998) pula menyatakan bahawa sisa binaan dan perobohan struktur mungkin mengandungi bahan yang berbahaya seperti abestos, cat, bahan pelekat, gentian insulasi dan damar. Bahan-bahan ini berbahaya kerana binaannya mempunyai unsur plumbum dan tar. Secara tidak langsung setiap pembinaan yang dilakukan atas tujuan pembangunan ekonomi, sosial dan masyarakat akan berdepan dengan masalah berkaitan pengurusan sisa binaan.

Selain daripada itu isu pencemaran alam sekitar daripada sisa industri turut mendapat perhatian. Kesan daripada pencemaran mengakibatkan kemusnahan yang sangat serius kepada alam sekitar. Menurut Rosen & Kishawy (2012), impak terhadap alam sekitar daripada operasi dan aktiviti pembuatan semakin mendapat perhatian sektor industri. Bahan-bahan buangan seperti enapcemar logam, racun

perosak, cecair kimia, getah, kertas dan plastik memberikan kesan negatif sekiranya tiada penyelenggaraan dilakukan. Isu ini mendapat perhatian di kalangan pengeluar-pengeluar dalam meneruskan kelangsungan produk keluaran mereka. Ia disokong oleh disokong oleh Sarkis (1998) yang menyatakan kemajuan, keuntungan, produktiviti, dan pemeliharaan alam sekitar, kini dilihat sebagai faktor penting yang perlu diambil kira oleh syarikat pembuatan dalam membangunkan strategi kebolehsaingan mereka.


Justeru itu, pembangunan lestari digunapakai sebagai kerangka pembangunan seimbang bagi menangani konflik di antara alam sekitar dan pembangunan di pelbagai sektor organisasi dan industri. (Burke & Gaughran, 2007).

1.2 Latarbelakang Kajian

Cabaran untuk memastikan kemampanan alam sekitar tidak tergugat sangat menuntut kerjasama dari pelbagai pihak. Isu-isu alam sekitar yang dianggap menyumbang ke arah peningkatan kos operasi, sekali gus menjadikan barangan dan perkhidmatan menjadi semakin mahal. Di antara anggapan-anggapan yang ditimbulkan seperti jika loji pembuatan dilengkapi sistem pengurangan sisa yang efisien, maka produk menjadi tidak kompetitif kerana kos yang membebankan. Selain daripada penggunaan teknologi canggih yang dapat mengurangkan pelepasan gas-gas rumah kaca seperti karbon dioksida dan metana yang dianggap hanya mampu ditanggung oleh negara maju sahaja. Anggapan-anggapan tersebutlah yang menyebabkan isu alam sekitar sering kali tidak dibincangkan secara terbuka dan saksama dalam peresidangan-persidangan serantau termasuklah ASEAN. (Ujang, 2009).


Di Malaysia, isu-isu berkaitan alam sekitar turut mendapat perhatian berbagai-bagai pihak. Sebagai sebuah negara yang ekonominya sedang berkembang, persoalan alam sekitar memang tidak terlepas daripada minda masyarakat. Menurut kebiasaannya, persoalan pembangunan dan kemajuan selalunya diiringi dengan persoalan alam sekitar. Ia berdasarkan kepada fakta bahawa soal pencemaran alam sekitar mula terjadi apabila manusia mula pandai menakluki dan mengeksploitasi alam sekitar untuk tujuan ekonomi. Badawi (2006) meluahkan dengan nada kesal semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK) pada yang

menyentuh berkaitan pencemaran sungai dimana beliau menyatakan kekesalannya tentang apa yang berlaku kepada sumber air negara yang telah tercemar. Oleh itu dapat dinyatakan bahawa faktor kesedaran dalaman sesebuah masyarakat memainkan peranan penting dalam memastikan alam sekitar tidak tercemar.



Rajah 1.1: Anggaran penduduk pertengahan tahun, Malaysia, 2008-2013
(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013)

Berdasarkan Rajah 1.1 menunjukkan anggaran bilangan penduduk di Malaysia dari tahun 2008 sehingga 2013. Data menunjukkan pertambahan yang ketara berdasarkan tahun dimana jumlah penduduk Malaysia semakin menghampiri sebanyak 30 juta.



Rajah 1.2: Jumlah Tenaga elektrik yang dibekalkan, Malaysia, 2008-2012
(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013)

Rajah 1.2 menunjukkan jumlah tenaga elektrik yang dibekalkan untuk penggunaan penduduk di Malaysia dari tahun 2008 sehingga 2012. Data menunjukkan peningkatan yang ketara jumlah tenaga mengikut tahun. Peningkatan jumlah tenaga elektrik ini selari dengan penambahan bilangan penduduk Malaysia. Bilangan kenderaan bermotor di Malaysia berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2013) pula dapat dilihat pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Bilangan kenderaan bermotor yang berdaftar mengikut jenis, Malaysia, 2008-2012

Jenis Kenderaan	2008	2009	2010	2011	2012
Bas	64,050	66,581	69,149	71,784	73,536
Kenderaan barang	909,243	936,222	966,177	997,649	1,032,004
Motokar	7,966,525	8,506,080	9,114,920	9,721,447	10,354,678
Motosikal	8,487,451	8,940,230	9,441,907	9,985,308	10,589,818
Teksi dan kereta sewa	90,474	95,728	102,961	109,214	112,336
Lain-lain kenderaan	454,158	471,941	493,451	515,867	539,849
Jumlah	17,971,901	19,016,782	20,188,565	21,401,269	22,702,221

Jadual 1.1 menunjukkan bilangan kenderaan bermotor yang berdaftar mengikut jenis dari tahun 2008 sehingga 2012. Secara keseluruhannya terdapat peningkatan ketara jumlah kenderaan berdaftar mengikut tahun dengan jumlah kenderaan terbanyak dari jenis motokar dan motosikal.

Secara rumusannya, penambahan bilangan penduduk akan menyebabkan berlakunya peningkatan dari segi penggunaan tenaga elektrik di Malaysia dan dapatan menunjukkan pertambahan yang selari dengan jumlah kenderaan mengikut tahun. Kesedaran betapa pentingnya penjimatan tenaga elektrik dalam kehidupan seharian akan menyebabkan berlakunya pembaziran tenaga tanpa kita sedari. Begitu juga tentang pentingnya kesedaran masyarakat untuk mengurangkan pelepasan asap kenderaan yang membahayakan akan mengakibatkan penyakit bawaan yang teruk akibat pencemaran udara.

Kesedaran terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar bagi tatapan generasi akan datang tidak harus dipandang ringan dan tidak perlu dibebankan kepada sesetengah pihak sahaja. Kesedaran ini harus datang secara dalaman tanpa perlu dipaksa kerana ianya akan menentukan sejauh manakah kelestarian alam sekitar dapat dikekalkan. Seajar dengan perkembangan yang menuntut kesedaran masyarakat terhadap aspek pelestarian alam sekitar, pelaksanaan pendidikan alam sekitar sangat dituntut dalam menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengekalkan alam sekitar dengan cara mengurangkan pencemaran. Pendidikan perlu dijadikan sebagai medium utama untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa betapa pentingnya mengekalkan alam sekitar untuk generasi akan datang. Ianya selari dengan pendapat Fien (1993) dan Huckle (1996) mengenai pendidikan telah diterima sebagai medium yang paling sesuai dalam usaha untuk mengawal alam sekitar dan pembangunan lestari, pendidikan untuk alam sekitar dan pendidikan untuk kelestarian sejak dari Persidangan Tbilisi pada tahun 1977. Ika Liana *et al.* (2011) juga mendapati bahawa pendidikan merupakan cara yang paling berkesan untuk meningkatkan kesedaran berkaitan alam sekitar.

Pendidikan alam sekitar adalah salah satu kaedah yang digunakan untuk memberikan kesedaran berkaitan alam sekitar melalui saluran pendidikan. Matlamat pendidikan Alam Sekitar menurut Tajul Ariffin (1990) adalah untuk membentuk populasi manusia di dunia yang sentiasa sedar, mengambil berat tentang alam sekitar dan masalah-masalahnya supaya manusia mempunyai pengetahuan, kemahiran, sikap, motivasi dan sanggup melibatkan diri sama ada secara individu atau kolektif ke arah penyelesaian masalah-masalah alam sekitar masa kini dan seterusnya menyekat daripada berlakunya bencana-bencana yang baru. Ramai penyelidik juga bersetuju bahawa institusi pendidikan seperti sekolah merupakan medium yang paling berkesan dalam menyebarkan pendidikan alam sekitar dan menyelesaikan isu-isu alam sekitar pada peringkat awal. Dalam konteks ini, sekolah menjadi satu cara utama untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan alam sekitar (Mohammad Zohir & Nordin, 2007; Moroye, 2005).

Menurut Tilbury (1995) terdapat tiga pendekatan yang boleh diambil dalam pendidikan alam sekitar iaitu pendidikan “mengenai”, “dalam” dan “untuk” alam sekitar. Pendidikan “mengenai” alam sekitar memfokuskan kepada pengetahuan, kesedaran dan pemahaman tentang interaksi manusia dan alam sekitar. Ia biasa

digunakan di dalam kurikulum sains dan geografi di mana alam sekitar menjadi tajuk atau tema yang diperkatakan. Pendidikan “dalam” alam sekitar pula lebih berpusatkan pelajar dan melibatkan pembelajaran berasaskan aktiviti. Ia melibatkan penglibatan langsung pelajar dalam persekitaran tertentu misalnya melalui kerja lapangan di hutan atau lawatan ke pusat pelupusan sampah. Manakala pendidikan “untuk” alam sekitar pula mempunyai matlamat memperbaiki dan memelihara alam sekitar. Ia juga membina rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar serta menggalakkan penglibatan aktif dalam menyelesaikan masalah alam sekitar.

Namun begitu segala perancangan iaitu memberikan kesedaran kepada masyarakat tidak akan berjaya tanpa pengorbanan khususnya daripada guru. Untuk melaksanakan pembaharuan, pendidikan adalah salah satu saluran yang paling berkesan. Pendapat ini disokong oleh Liew Abdullah *et al.* (2012) yang menyatakan bahawa pendidikan merupakan agen perubahan yang paling berpengaruh kerana mampu membawa perubahan dalam sesebuah masyarakat. Dalam sesebuah institusi pendidikan, guru merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam menghasilkan pendidikan berkualiti. Pendidikan berkualiti akan terhasil daripada pengajaran dan pembelajaran daripada seorang guru yang berkualiti. Guru memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan dan merealisasikan pendidikan berkualiti (Hj. Sabar & Hj. Khalid, 2005).

Melalui pendidikan penerapan sikap prihatin terhadap alam sekitar dapat dilakukan dengan berkesan dan ia sejajar dengan dapatan kajian mengenai “Keberkesanan Kurikulum Kejuruteraan Awam Berkaitan Alam Sekitar Dalam Pembentukan Kesedaran Pelajar Terhadap Alam Sekitar: Kajian Kes Di Politeknik Ungku Omar” mendapati kesedaran pelajar yang mengambil matapelajaran berkaitan alam sekitar berada pada tahap sederhana dimana pelajar menunjukkan sikap ingin berubah serta mempunyai kehendak memperbaiki masalah yang melibatkan alam sekitar (Jufri, 2004).

Penubuhan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) mencerminkan keseriusan Malaysia dalam menyampaikan mesej bahawa bersih dan hijau ialah cara mewujudkan satu ekonomi yang berdasarkan penyelesaian mapan. Abd Razak (2009) menyatakan bahawa KeTTHA mempunyai tugas penting dalam melaksanakan aspirasi negara iaitu Teknologi Hijau. Beliau melahirkan rasa bangga

dengan pelancaran Dasar Teknologi Hijau Negara yang mana ia merupakan panduan dalam menjadikan Malaysia menjurus ke arah kelestarian alam sekitar.

Teknologi Hijau adalah sebuah konsep yang perlu dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah dimana matlamat khususnya adalah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa betapa pentingnya kelestarian alam sekitar melalui pendidikan. Selain daripada kesedaran, penerapan Teknologi Hijau ke dalam kurikulum sekolah juga perlu digunakan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan yang mampan dengan cara melahirkan modal insan yang dapat membangunkan negara dari segi ekonomi, sosial dan politik tanpa meminggirkan aspek alam sekitar. Menurut Ahmad (2006), modal insan bergantung kepada proses pendidikan dan latihan. Nilai dirinya akan meningkat jika dia memanfaatkan perkembangan teknologi dan perkembangan baru. Sebaliknya jika dia hanya bergantung kepada pendidikan pertama maka tiada peningkatan nilai dalam dirinya. Oleh itu, pembangunan sumber manusia merupakan satu aspek yang penting dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Ini adalah kerana daya saing, daya pengeluaran, daya cipta dan keupayaan dalam teknologi baru di sesebuah negara akan ditentukan oleh kualiti sumber manusianya.

Modal insan yang cemerlang dilahirkan daripada didikan guru yang berkualiti. Kenyataan ini disokong oleh Nordin & Dan (2002) yang menyatakan bahawa guru perlu mempunyai kesediaan yang mantap serta berfikir secara beradab dalam memahami ilmu-ilmu dan perubahan kurikulum dengan jelas. Justeru itu guru disaran supaya memahami, memberikan komitmen yang tinggi serta iltizam terhadap sebarang perubahan demi memartabatkan profesion keguruan seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Kualiti pendidikan negara dapat dilihat berdasarkan kepada outputnya iaitu pelajar. Keperluan untuk melakukan semakan kurikulum mengikut peredaran semasa dapat membantu dalam menyediakan output yang berkualiti. Mesir *et al.* (2004) menyatakan tentang semakan kurikulum dan silibus Teknologi Maklumat di dalam sistem akademik Fakulti Kejuruteraan Awam perlu dilaksanakan supaya selari dengan matlamat dan aspirasi negara. Pengubahsuaian dilakukan terhadap beberapa mata pelajaran dengan memberikan penekanan kepada aplikasi IT dalam bidang tersebut selaras dengan kehendak dan perkembangan ICT pada masa ini. Menjadi cabaran kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat pertimbangan

berkaitan keperluan melakukan semakan semula kurikulum sedia ada berdasarkan kehendak semasa yang menjurus ke arah Teknologi Hijau dengan mengambil kira empat asas pertimbangan iaitu guru, pelajar, prasarana dan peralatan dengan matlamat untuk memberikan kesedaran kepada pelajar betapa pentingnya menjaga alam sekitar untuk generasi akan datang.

1.3 Pernyataan Masalah

Perlaksanaan subjek Teknologi Kejuruteraan telah mula diperkenalkan pada tahun 1996 di dua puluh buah sekolah menengah harian (biasa) dan lima belas buah sekolah menengah berasrama penuh sebagai perintis bermula pada tahun 1996 dan kini telah menjangkau hampir tujuh belas tahun perlaksanaannya. Tiada sebarang semakan terhadap Sukatan Pelajaran Teknologi Kejuruteraan dalam tempoh perlaksaaannya. Faktor ini dijadikan asas kepada perlunya dilakukan semakan semula kandungan Sukatan Pelajaran Teknologi Kejuruteraan sedia ada dengan memasukkan elemen baru bagi memantapkan lagi perlaksanaannya. Walaubagaimanapun perubahan ini perlu mengambil kira beberapa faktor supaya perubahan kurikulum yang dibuat akan memberikan impak maksima selepas perlaksanaannya. Suhaimi *et al.* (2010) menegaskan Pelestarian kurikulum dalam pendidikan teknik dan vokasional (PTV) memainkan peranan penting dalam mengatasi cabaran-cabaran pembangunan negara yang semakin pesat. Pelestarian kurikulum yang dimaksudkan berlaku semasa proses merangka kurikulum baru bagi menggantikan kurikulum lama dimana faktor-faktor integrasi sosial budaya, pertimbangan persekitaran dan ekonomi perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya. Penerapan konsep Teknologi Hijau ke dalam kurikulum Teknologi Kejuruteraan diharap dapat direalisasikan supaya matlamat memberikan kesedaran betapa pentingnya menjaga alam sekitar dari pencemaran yang datangnya daripada aktiviti manusia.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai tahap kesedaran berkaitan Teknologi Hijau dalam kalangan guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara , dari perspektif tahap pengetahuan dan sikap dan amalan hijau guru-guru daripada penerapan konsep Teknologi Hijau di Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:


- (1) Mengetahui sejauh mana tahap kesedaran guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara terhadap pelaksanaan Teknologi Hijau.
- (2) Mengenalpasti adakah terdapat perbezaan tahap kesedaran Teknologi Hijau guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara berdasarkan kepada bidang pengkhususan guru yang berlainan.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini adalah

- (1) Apakah tahap pengetahuan guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara mengenai Teknologi Hijau?
- (2) Apakah sikap guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara terhadap pelaksanaan Teknologi Hijau?
- (3) Apakah tahap amalan hijau guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara dalam kehidupan seharian?
- (4) Adakah terdapat perbezaan tahap kesedaran Teknologi Hijau guru-guru Teknologi Kejuruteraan berdasarkan kepada bidang pengkhususan guru yang berlainan?

1.7 Kerangka Konseptual



Rajah 1.3: Kerangka Konsep Kajian menggunakan Model KAP
(Adaptasi dari Dai *et al.* 2012)

Rajah 1.3 menunjukkan sebuah kerangka konsep yang dapat menggambarkan perjalanan keseluruhan kajian. Terdapat tiga bahagian utama dalam kerangka konsep yang ditunjukkan iaitu responden yang mewakili bahagian input kajian, pengetahuan, sikap dan amalan responden kajian yang menjurus ke arah Teknologi Hijau merupakan bahagian proses dan kesedaran guru-guru Teknologi Kejuruteraan Zon Utara terhadap Teknologi Hijau berada pada bahagian output kajian.

Teknologi Hijau merupakan pemboleh ubah bersandar manakala pemboleh ubah bebas terdiri daripada aspek pengetahuan, sikap dan amalan. Menurut Mohd Noah (2002), pemboleh ubah bersandar merupakan faktor yang diperhatikan dan diukur untuk menentukan kesan pemboleh ubah tidak bersandar manakala pemboleh ubah bebas pula merupakan faktor yang diukur, dimanipulasi atau dipilih oleh penyelidik untuk menentukan hubungannya dengan fenomena yang diperhatikan.

1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini dilakukan untuk menyedarkan warga pendidik khususnya guru-guru Teknologi Kejuruteraan tentang kepentingan Teknologi Hijau di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pihak berikut :

1.8.1 Pihak Jabatan Pelajaran Negeri

Kepentingan kajian ini juga dapat membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Jabatan Negeri Kedah dan Jabatan Negeri Perlis melalui unit Teknik dan Vokasional dengan kerjasama Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) merangka satu program atau seminar yang dapat memberikan kefahaman betapa pentingnya penerapan Teknologi Hijau pada guru-guru Teknologi Kejuruteraan bagi mewujudkan kesedaran mengenai kelestarian alam sekitar.

1.8.2 Guru-guru Teknologi Kejuruteraan

Kepentingan kajian ini dapat memberi maklumat kepada guru-guru mengenai tahap pengetahuan, sikap dan amalan hijau guru-guru mengenai pelaksanaan Teknologi Hijau. Kesemua dimensi ini penting dalam memberikan panduan kepada guru membuat penambahbaikan bagi memastikan guru-guru memahami sepenuhnya tentang Teknologi Hijau.

1.8.4 Pelajar

Dapat wujudkan budaya kelestarian alam sekitar dengan menggalakkan pelajar memilih barangan yang dihasilkan daripada konsep Teknologi Hijau yang lebih memelihara alam sekitar berbanding penghasilan barangan menggunakan kaedah konvensional.

1.9 Skop kajian

Kajian dijalankan di Sekolah-Sekolah Menengah Akademik Harian, Sekolah Menengah Sains dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Zon Utara seperti Negeri Perak, Kedah dan Negeri Perlis. Seramai 46 orang guru yang mengajar subjek Teknologi Kejuruteraan diambil sebagai responden kajian.

1.10 Batasan kajian

Dalam kajian ini, batasan-batasan kajian yang perlu dikenal pasti adalah seperti berikut :

1.10.1 Masa

Memandangkan masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian ialah dua semester iaitu bersamaan dengan satu tahun. Tempoh ini sebenarnya tidak mencukupi untuk mengkaji dengan lebih mendalam terhadap pengetahuan, sikap dan amalan guru-guru terhadap Teknologi Hijau. Oleh itu responden terdiri daripada guru-guru yang mengajar subjek Teknologi Kejuruteraan di Zon Utara sahaja. Bagi mendapatkan data yang lebih mendalam, masa yang lebih lama diperlukan.

1.10.2 Kefahaman responden terhadap soal selidik

Kefahaman responden terhadap soal selidik yang diedarkan juga adalah penting. Hal ini adalah kerana keadaan ini akan mempengaruhi jawapan yang akan diberikan oleh responden. Jika responden faham dengan soalan yang diberikan, maka jawapan yang diberikan adalah jawapan yang sepatutnya. Jika responden tidak faham dengan soalan, keadaan yang sebaliknya akan berlaku.

1.10.3 Kejujuran responden

Ketepatan kajian ini banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka tanpa sebarang prejudis.

1.11 Definisi Operasi

1.11.1 Tahap Kesedaran

(i) Pengetahuan

Dalam kajian ini, pengetahuan yang dimaksudkan merujuk kepada pengetahuan guru Teknologi Kejuruteraan terhadap Teknologi Hijau.

(ii) Sikap

Satu perasaan suka atau tidak suka kepada objek, manusia, idea atau persekitaran (Loganathan, 2008). Sikap yang dimaksudkan di dalam kajian lebih menumpukan kepada sikap guru-guru terhadap pelaksanaan Teknologi Hijau di Malaysia.

(iii) Amalan

Ahmad Marzuki (2007) menyatakan jika sesuatu perkara itu dilakukan secara berterusan ia akan menjadi tabiat dimana ia akan menjiwai diri kita dan seterusnya akan dapat mengubah tingkah laku dan tabiat kepada yang lebih baik. Amalan yang dimaksudkan di dalam kajian berkisar kepada amalan guru terhadap 5R adalah singkatan kepada '*rethink*' (fikir semula), '*repair*' (baik pulih), '*reuse*' (guna semula), '*recycle*' (kitar semula) dan '*reduce*' (kurangkan).

1.11.2 Teknologi Hijau

Teknologi Hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

Dasar Teknologi Hijau adalah untuk menyediakan hala tuju dan motivasi untuk rakyat Malaysia terus menikmati kualiti kehidupan yang baik dan persekitaran yang sihat. KeTTHA (2009) di dalam Dasar Teknologi Hijau Negara memfokuskan kepada empat (4) sektor utama iaitu:

- (i) Sektor Tenaga, contoh: penjanaan tenaga dan pengurusan bekalan tenaga;
- (ii) Sektor Bangunan, contoh: pembinaan, pengurusan, pemuliharaan dan pemusnahan bangunan;
